

PENUBUHAN BADAN PENGURUSAN BAGI  
GEOPARK LEMBAH KINTA

MOHD NOORSYAFIZAL BIN CHE LAN @AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
enganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

## DEDIKASI



**“Segala Puji-Pujian Hanyalah Bagi Allah SWT Tuhan Sekalian Alam. Salam ke  
Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW ”**

*Ditujukan khas kepada isteri yang tercinta Nor Nuzimah Binti Mokti, jutaan terima kasih di atas kesabaran selama ini dan sumbangan adinda dalam memberikan sokongan dan semangat sehingga kajian ini berjaya disemprunakan*

*Buat kedua ibu bapa yang dikasihi, anakanda mengucapkan ucapan penghargaan yang tiada terhingga di atas doa dan sokongan moral demi kejayaan anakanda di dalam menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya restu kalian sentiasa memberi semangat sehingga membawa kepada pencapaian ke tahap yang tertinggi.*

*Hanya Allah SWT yang dapat membala jasa kalian semua. Semoga kalian sentiasa dirahmati dan berada di bawah lindungannya.*

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, saya telah berjaya menyiapkan projek sarjana ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan khas buat Dr. Robiah binti Suratman sebagai penyelia projek sarjana yang begitu banyak memberikan nasihat, panduan, tunjuk ajar dan begitu komited sepanjang tempoh penyeliaan sepanjang penyediaan projek sarjana ini. Ribuan terima kasih juga kepada para pensyarah Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah diatas segala ilmu yang telah dicurahkan sepanjang tempoh pengajian selama dua tahun.

Kesempatan ini juga diambil untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelbagai pihak yang telah membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam melengkapkan projek sarjana ini khususnya kepada pegawai daripada agensi-agensi teknikal khususnya pegawai-pegawai di Jabatan Mineral dan Geosains dan di Pihak Berkuasa Tempatan atas bantuan dan maklumat yang amat berharga dalam membantu proses pengumpulan maklumat dan temubual semasa kajian ini dilakukan. Saya buat sahabat-sahabat perjuangan saya di sepanjang pengajian ini yang sentiasa membantu dari segi perkongsian ilmu dan pengalaman semasa kami bersama-sama mengharungi perjuangan dalam menyiapkan projek sarjana ini.

Akhir sekali,. terima kasih juga kepada Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB. Dato' Haji Mohd Gazali Bin Jalal di atas kebenaran dan kelonggaran yang beliau telah berikan kepada saya sepanjang melengkapkan pengajian saya selama dua tahun ini. Semoga Allah S.W.T sahaja yang dapat membala jasa baik kalian semua. Terima kasih.

## ABSTRAK.

Pengurusan sesebuah Geopark bukanlah tanggungjawab Jabatan Mineral dan Geosains sahaja. Sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuaan hasil tanah termasuk sumber dan warisan geologi dan hutan adalah milik kerajaan negeri. Bagi negeri Perak Geopark lembah Kinta adalalah milik Kerajaan negeri. Buat masa ini tiada struktur pentadbiran formal yang telah ditubuhkan bagi menguruskannya. Sehubungan itu untuk memastikan konsep Geopark dapat dihayati dengan sepenuhnya Geopark Lembah Kinta memerlukan sebuah badan pengurusan supaya dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang sistematik. Berdasarkan perkara yang dihuraikan di atas beberapa isu perlu diberi perhatian. Antaranya adalah Pentadbiran Geopark yang sistematik bagi memenuhi kriteria pembangunan Geopark oleh UNESCO dan melaksanakan konsep pembangunan Geopark dengan berkesan. Selain itu isu-isu pembangunan yang sering dilihat tidak “mesra alam” perlu ditangani dengan serius tanpa merugikan mana-mana pihak termasuk pengusaha dan pemilik tanah berhampiran. Perkara ini sangat berkait rapat dengan bidangkuasa dan penguatkuasaan oleh badan atau Jabatan yang menguruskan Geopark. Tambahan pula pemulihan kawasan yang tinggi nilai warisan dan geologi dengan cara membangunkannya secara terkawal belum begitu meluas dan tidak diselaras dengan baik di daerah Kinta. Perkara ini juga berkait rapat dengan tujuan penubuhan badan atau jabatan yang menguruskan Geopark yang berfungsi untuk memulihara kawasan warisan geologi (geosites). Bagi mendapatkan maklumat terperinci kaedah temubual dengan jabatan-jabatan berkaitan telah dibuat. Analisis kajian telah memperincikan 3 aspek penting iaitu kriteria pembangunan Geopark yang diperlukan untuk membolehkannya diiktiraf sebagai Geopark Global, tanggungjawab dan bidangkuasa yang diperlukan oleh Geopark Lembah Kinta bagi melaksanakan konsep pembangunan Geopark dan kerangka pentadbiran yang perlu diwujudkan untuk badan pengurusan Geopark Lembah Kinta melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya.

## **ABSTRACT**

The management of a Geopark is not the responsibility of the Department of Mineral and Geoscience only. As enshrined in the federal constitution, the land, including resources and geological heritage and the forest is owned by the state. Kinta valley Geopark is a government-owned land. Currently there are no formal administrative structure set up to manage it. Therefore to ensure Geopark concept can be fully appreciated by the Kinta Valley Geopark, it requires a management body so as to create a systematic administrative system. Based on what is described above a number of issues need to be addressed. Among them is a systematic Geopark administration to meet the Geopark development criteria outlined by UNESCO as well as to implement the Geopark development concept effectively. In addition to development issues that are often seen as not "environmentally friendly" should be seriously addressed without harming any parties including owners and operators of land nearby. This is very closely related to the jurisdiction and enforcement by the agency or department that manages the Geopark. In addition, areas of geological heritage value by developing it in a controlled environment yet so widespread and not well coordinated in Kinta district. This is also closely related to the purpose of the establishment of the agency or department that manages the Geopark geological heritage conservation area (geosites). Therefore this study will explain 3 major aspects that are criteria needed to be recognized as a Global Geopark, the responsibilities and authority required by the Kinta Valley Geopark ,administrative framework should be created for the Kinta Valley Geopark management body to perform its functions and responsibilities.

## ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	<b>JUDUL TESIS</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	<b>1.1 Pengenalan</b>	1
	<b>1.2 Isu dan Penyataan Masalah</b>	4
	<b>1.3 Matlamat Kajian</b>	6
	<b>1.4 Objektif Kajian</b>	6
	<b>1.5 Skop Kajian</b>	6
	<b>1.6 Kepentingan Kajian</b>	7
	<b>1.7 Metodologi Kajian</b>	8
	1.7.1 Peringkat Kajian Awalan	9
	1.7.2 Peringkat Kajian Literatur	9
	1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan	9
	1.7.4 Peringkat Analisis Kajian	9

1.7.5	Peringkat Penemuan Kajian dan Cadangan	10
<b>1.8</b>	<b>Susunatur Bab</b>	12
<b>2</b>	<b>PEMBANGUNAN GEOPARK</b>	
<b>2.1</b>	<b>Pengenalan</b>	14
<b>2.2</b>	<b>Definisi Geopark</b>	15
2.2.1	Permulaan Geopark	15
<b>2.3</b>	<b>Komponen Geopark</b>	17
<b>2.4</b>	<b>Konsep Pembangunan Geopark</b>	19
<b>2.5</b>	<b>Perundangan Berkaitan Geopark</b>	21
<b>2.6</b>	<b>Bentuk Pengiktirafan sebuah Geopark</b>	25
<b>2.7</b>	<b>Model Pengurusan Geopark</b>	25
<b>2.8</b>	<b>Pembangunan Geopark di Malaysia dan Luar Negara</b>	31
2.8.1	Langkawi Geopark	31
2.8.2	The English Riviera Geopark	35
2.8.3	The Villuercas - Ibores - Jara Geopark	39
<b>2.9</b>	<b>Kesimpulan</b>	43
<b>3</b>	<b>GEOPARK LEMBAH KINTA</b>	
<b>3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	44
<b>3.2</b>	<b>Warisan Geologi Lembah Kinta</b>	46
<b>3.3</b>	<b>Profil Kawasan Kajian</b>	51
3.3.1	Daerah Kinta	51
3.3.1.1	Majlis Bandaraya Ipoh	52
3.3.1.2	Majlis Daerah Batu Gajah	54
3.3.2	Daerah Kampar	56
3.3.2.1	Majlis Daerah Kampar	56
<b>3.4</b>	<b>Kesimpulan</b>	59

## 4 KAEADAH DAN HASIL ANALISIS KAJIAN

<b>4.1 Pengenalan</b>	60
<b>4.2 Pelaksanaan Kajian</b>	60
4.2.1     Kaedah Pengumpulan Data	61
4.2.2     Pemilihan Responden	61
4.2.3     Temu bual	63
4.2.4     Kaedah Analisis	65
<b>4.3 Analisis Kajian</b>	65
4.3.1     Latar belakang Responden	65
4.3.2     Analisis kaitan antara Model Pengurusan Geopark dan Keperluan Geopark Lembah Kinta Bagi Negeri Perak	66
4.3.3     Tanggungjawab dan bidang kuasa badan pengurusan Geopark Lembah Kin	71
4.3.3.1     Peranan Badan Pengurusan Geopark	74
4.3.3.2     Agensi Peneraju	75
4.3.3.3     Bidang Kuasa	75
4.3.3.4     Keperluan kepada pengwujudan enakmen	76
4.3.4     Kerangka Pentadbiran bagi Geopark Lembah Kinta	76
<b>4.4 Kesimpulan</b>	80

## 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

<b>5.1 Pengenalan</b>	81
<b>5.2 Penemuan Kajian</b>	82
5.2.1     Pencapaian Objektif 1	82
5.2.2     Pencapaian Objektif 2	83
5.2.3     Pencapaian Objektif 3	87
<b>5.3 Cadangan Kajian</b>	89

5.3.1	Cadangan Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Geopark Lembah Kinta	89
5.3.2	Pengurusan Geotapak	90
5.3.3	Menjana Hasil Negeri Perak	91
5.3.4	Sumber Kewangan Geopark	92
5.3.5	Pelan Pengurusan Geopark Lembah Kinta	92
<b>5.4</b>	<b>Cadangan Kajian Lanjutan</b>	93
<b>5.5</b>	<b>Limitasi Kajian</b>	94
5.5.1	Lokasi Kawasan Kajian	94
5.5.2	Temu bual	95
<b>5.6</b>	<b>Penutup</b>	96
<b>RUJUKAN</b>		98
<b>Lampiran A</b>		101

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Undang-undang yang berkaitan dengan Geopark	19
2.2	Akta yang terlibat secara langsung dengan pengurusan Geopark	21
3.1	Maklumat berkenaan Geotapak di Geopark Lembah Kinta	46
3.2	Geotapak di dalam Kawasan Kawalan MBI	50
3.3	Geotapak di dalam kawasan Kawalan MDBT	52
3.4	Geotapak di bawah kawalan MDKPR	55
4.1	Penamaan responden untuk dianalisis	58
4.2	Justifikasi soalan bagi sesi temubual	60
4.3	Potensi Produk yang bernilai tinggi di Geopark Lembah Kinta	67
4.4	Riingkasan maklumbalas selepas sesi temubual	70

## **SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Logo Geopark Lembah Kinta	1
1.2	Stalaktit di Gua Tempurung	2
1.3	Kawasan Pembangunan Geopark Lembah kinta	4
1.4	Carta alir metodologi kajian	11
2.1	Taman Rekreasi Gunung Lang di Ipoh	14
2.2	Geopark pertama di dunia	16
2.3	Batur Global Geopark di Indonesia	16
2.4	Komponen Pembangunan Geopark	19
2.5	Lembaga Penasihat Langkawi Geopark	29
2.6	Geotapak Kilim di Langkawi Geopark	31
2.7	Struktur Organisasi bahagian Geopark LADA	32
2.8	The English Riviera Geopark	32
2.9	Struktur Organisasi ERGO	35
2.91	The Villuercas Ibores Jara Geopark	36
2.92	Struktur Organisasi The Villuercas Ibores Jara Geopark	39
3.1	Persempadanan kawasan Geopark Lembah Kinta	42

3.2	Air terjun Batu Berangkai	43
3.3	Gua Naga Emas	44
3.4	Gua Tambun	44
3.5	Geotapak di Ulu Chepor	45
3.6	Formasi Batu kapur di Gunung Karang Besar	48
3.7	Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh	51
3.8	Formasi Batu Kapur di Gunung Pua	52
3.9	Mata Air Panas Lubuk Timah	52
3.91	Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah	53
3.92	Gua Tempurung, Gua Kandu dan Jeram Sungai Kampar	55
3.93	Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Kampar	56
5.1	Cadangan Struktur Pentadbiran Geopark Lembah Kinta	88

## **SENARAI SINGKATAN**

JMG	-	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia cawangan Perak
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
JPBD	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PDT KAMPAR	-	Pejabat Daerah dan Tanah Kampar
PDT KINTA	-	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta
PTG	-	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak
MBI	-	Majlis Bandaraya Ipoh
MDBG	-	Majlis Daerah Batu Gajah
MDKP	-	Majlis Daerah Kampar
SUK	-	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.
EGRO	-	English Riviera Geopark Organization
UNESCO	-	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
GGN	-	Global Geopark Network
IGGP	-	International Geosains and Geopark Program
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
JPN	-	Jawatankuasa Perancangan Negeri
MMK	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan
DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia
YB	-	Yang Berhormat
PKN	-	Pegawai Kewangan Negeri
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A.	Soalan- soalan bagi sesi temubual Penubuhan Badan Pengurusan Bagi Geopark Lembah Kinta "	101

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Lembah Kinta diliputi oleh kawasan semulajadi yang amat bernilai dari segi warisan geologi. Menyedari hakikat ini Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk membuat langkah pembangunan di beberapa kawasan geologi dengan mengisytiharkannya sebagai Geopark Lembah Kinta pada 22 November 2014. ([www.peraktoday.com](http://www.peraktoday.com).)



**Rajah 1.1:** Logo Geopark Lembah Kinta

**Sumber :** Jabatan Mineral dan Geosains 2014

Laporan Jabatan Mineral dan Geosains negeri Perak menunjukkan bahawa Lembah Kinta mempunyai begitu banyak sumber warisan geologi dan warisan budaya yang memenuhi sebahagian besar keperluan untuk dinobatkan sekurang-kurangnya sebagai sebuah geopark kebangsaan. Lembah Kinta sedia terkenal sebagai warisan perlombongan bijih timah dan mempunyai kepelbagaiannya landskap semulajadi yang unik serta nilai sejarah geologi dan saintifik yang tinggi. Sumber warisan geologi meliputi landskap kars, perbukitan batu kapur, gua dan keunikan enapan gua serta saliran bawah tanah, rekahan batuan granit dan pemineralan bijih timah serta bijih besi dan kewujudan mata air panas, air terjun serta lata. Di samping itu juga terdapat sumber warisan budaya seperti bukti-bukti arkeologi, sejarah perlombongan, penjajahan Inggeris, pendudukan Jepun dan aktiviti komunis, tapak tapak kebudayaan dan perkampungan tradisi. Gabungan kepelbagaiannya sumber warisan geologi, arkeologi serta nilai-nilai budaya dan tradisi masyarakat setempat tersebut mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai sebuah geopark bertaraf global.



**Rajah 1.2 Stalaktit di Gua Tempurung**

**Sumber :** Jabatan Mineral dan Geosains 2013

Tapak-tapak warisan geologi di Lembah Kinta boleh dibangunkan sebagai geotapak dan hubung-kait di antaranya akan mewujudkan laluan geopelancongan atau geotrail yang berupaya menyokong perkembangan sosio-ekonomi masyarakat setempat terutama sebagai tarikan pelancongan. Strategi pembangunan Geopark Lembah Kinta ini juga menjadi asas pembinaan jati diri penduduk dan keseluruhan Negeri Perak melalui pengekalan landskap semulajadi, pelan pembangunan yang lestari dan pengembalian kegemilangan sejarah silam. Program pemuliharaan dan pembangunan lestari di bawah konsep geopark ini seterusnya akan memasyurkan


Lembah Kinta di mata masyarakat tempatan dan antarabangsa, di samping memastikan nilai warisan berkenaan dapat diperturunkan kepada generasi akan datang.

Konsep pembangunan Geopark Lembah Kinta ini telah dibentangkan pertama kali semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perancanga Negeri (JPN) Bil. 2/2012 pada 8 Oktober 2012 oleh pakar penilai geopark antarabangsa iaitu Profesor Dr. Mohd. Shafeea bin Leman (UKM). Pada dasarnya, ia telah diterima serta dipersetujui oleh semua ahli mesyuarat. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Perak telah menyelaraskan satu mesyuarat pada 6 November 2012 untuk mengenalpasti sempadan Geopark Lembah Kinta. Pada 30 Januari 2013 pula, program lawatan tapak di kawasan Gopeng-Kampar dan mesyuarat kumpulan kerja yang terdiri daripada pelbagai agensi telah diadakan di Majlis Daerah Kampar.

Pada 7 Februari 2013, mesyuarat kumpulan kerja sekali lagi dijalankan di Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak dan telah mencadangkan sempadan Geopark Lembah Kinta meliputi tiga kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Daerah Kampar dan Majlis Daerah Batu Gajah dengan jumlah keluasan hampir 2,000 kilometer persegi. Kawasan geopark ini mengambilkira kewujudan sumber warisan geologi yang berkepentingan, warisan tabii dan warisan budaya masyarakat setempat. (Rujuk Rajah 1.3)

Setelah beberapa siri pembentangan, Geopark Lembah Kinta telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 6 Ogos 2014. Kelulusan ini adalah untuk pembuatan Dossier mengenai Geopark Di Lembah Kinta. Geopark Lembah Kinta telah diisyiharkan kepada umum pada 24 November 2014. Bagi pembangunan awal Geopark Lembah Kinta Kerajaan Negeri Perak telah memberi peruntukan sebanyak RM500,000.00 pada 2015 dan seterusnya RM1,000,000.00 pada tahun 2016.

### KAWASAN PEMBANGUNAN GEOPARK LEMBAH KINTA



**Rajah 1.3:** Kawasan Pembangunan Geopark Lembah Kinta

**Sumber :** Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia 2015

## 1.2. Pernyataan Masalah

Kejayaan pembangunan geopark dan pemuliharaan warisan bergantung pada faktor kesedaran pihak berkepentingan, penglibatan dan penghayatannya berkaitan nilai warisan dan peluang ekonomi. Bagi mewujudkan sesebuah geopark yang lestari, Pihak Berkuasa Negeri dan jabatan-jabatan negeri berperanan penting dalam menjayakan hasrat ini. Namun begitu pengurusan sesebuah Geopark bukanlah tanggungjawab Jabatan Mineral dan Geosains sahaja. Sebagaimana yang telah termaktub dalam perlumbaan persekutuan hasil tanah termasuk sumber dan warisan geologi dan hutan adalah milik kerajaan negeri. Geopark adalah milik kerajaan dan akan diuruskan oleh Kerajaan negeri. Buat masa ini tiada struktur pentadbiran formal yang telah ditubuhkan bagi menguruskannya kelak. Sehubungan itu untuk memastikan Konsep Geopark dapat dihayati dengan sepenuhnya Geopark

Lembah Kinta memerlukan sebuah badan pengurusan supaya dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang sistematik. Berdasarkan perkara yang dihuraikan di atas beberapa isu berikut perlu diberi perhatian.

- i. Pentadbiran Geopark yang sistematik bagi melaksanakan konsep pembangunan Geopark dengan berkesan.
- ii. Isu-isu pembangunan yang sering dilihat tidak begitu “mesra alam” perlu ditangani dengan serius tanpa merugikan mana-mana pihak termasuk pengusaha dan pemilik tanah berhampiran. Perkara ini sangat berkait rapat dengan bidangkuasa dan penguatkuasaan oleh badan atau Jabatan yang menguruskan Geopark.
- iii. Pemulihan kawasan yang tinggi nilai warisan dan geologi dengan cara membangunkannya secara terkawal belum begitu meluas dan tidak diselaras dengan baik di daerah Kinta. Perkara ini juga berkait rapat dengan tujuan penubuhan badan atau jabatan yang menguruskan Geopark yang bertujuan memulihara kawasan warisan geologi (geosites).

Berdasarkan permasalahan di atas timbul beberapa persoalan yang perlu diambilkira semasa kajian ini dijalankan iaitu:

- i. Apakah kriteria pembangunan Geopark yang diperlukan untuk membolehkannya diiktiraf sebagai Geopark Global?
- ii. Apakah tanggungjawab dan bidang kuasa yang diperlukan oleh Geopark Lembah Kinta bagi melaksanakan konsep pembangunan Geopark dengan berkesan,
- iii. Bagaimanakah kerangka pentadbiran yang perlu diwujudkan untuk badan pengurusan Geopark Lembah Kinta melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya.

### **1.3. Matlamat Kajian**

Kajian ini dibuat dengan tujuan untuk mencadangkan sebuah badan pengurusan bagi Geopark Lembah Kinta di Negeri Perak yang mampu menjalankan fungsinya dengan mampan.

### **1.4. Objektif kajian**

Dalam mencapai matlamat kajian beberapa objektif telah digariskan seperti berikut;

- i. Mengenalpasti konsep dan kriteria pembangunan Geopark
- ii. Mengenalpasti bidang kuasa dan tanggungjawab Badan Pengurusan Geopark Lembah Kinta.
- iii. Mengkaji kerangka pentadbiran yang diperlukan Badan Pengurusan Geopark Lembah Kinta

### **1.5. Skop Kajian**

Kajian ini akan memberi fokus kepada tiga skop utama yang diperlukan bagi penubuhan sebuah badan pengurusan bagi Geopark Lembah Kinta. Aspek pertama lebih terarah kepada perincian kriteria bagi sesebuah Geopark. Kriteria yang akan dilihat adalah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh UNESCO bagi pengiktirafan sesebuah Geopark sebagai "Global Geopark".

Selain itu kajian ini juga menerangkan mengenai tanggungjawab dan bidang kuasa untuk badan pengurusan Geopark Lembah Kinta. Tanggungjawab badan pengurusan geopark akan dilihat dari perseptif jabatan-jabatan yang berkaitan dengan penubuhan Geopark Lembah Kinta Bidangkuasa pula akan dilihat dari sudut perundangan sedia ada yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan Geopark Lembah Kinta.

Bagi skop ketiga akan memperincikan mengenai kerangka pentadbiran bagi badan pengurusan Geopark Lembah Kinta. Kajian ini juga akan melihat model pengurusan Geopark sedia ada di Malaysia dan beberapa buah Geopark lain yang telah lama ditubuhkan.

Kajian ini hanya melibatkan 3 buah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Kampar. Bagi mendapatkan pandangan penggubal dasar berkaitan pembentukan Geopark, pengumpulan data secara pembacaan bahan bacaan akademik dan temubual akan dijalankan di beberapa Jabatan yang terlibat.

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Dengan adanya struktur pentadbiran yang mampan dan sistematik, pengurusan Geopark akan menjadi lebih teratur dan jelas dari segi bidang kuasa dan tanggungjawabnya terhadap Geopark. Selain itu hanya melalui struktur pentadbiran yang jelas sahaja dapat memastikan geopark berfungsi dengan baik dan berupaya mencapai objektif penubuhannya.

Dalam konteks Daerah Kinta kebanyakannya Geotapak terletak di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Batu gajah dan Kampar, pendekatan berbeza-beza digunakan untuk pemuliharaan tapak geosite dan promosi pelancongan berasaskan geowarisan. Malah ada juga yang disewakan kepada pihak swasta. Sehubungan dengan itu, penyelarasan aktiviti dan program yang dirangka dalam kawasan Geopark Lembah Kinta perlu dibuat dan perkara ini boleh dilakukan dan di kawal melalui struktur pentadbiran formal yang ditubuhkan di Geopark Lembah Kinta.

Selain itu pentadbiran geopark yang ditubuhkan dapat memberi fokus hanya kepada pemeliharaan potensi pengembangan produk Geopark, Geopealancongan dan pendidikan berasaskan geowarisan yang dapat memberikan hasil baru ataupun setidak tidaknya meningkatkan hasil Kerajaan Negeri Perak.

## **1.7. Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini meliputi proses kajian yang melalui beberapa peringkat kajian. Metodologi kajian ini dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat dan objektif kajian melalui beberapa peringkat dalam kajian yang dilaksanakan. Secara umumnya, peringkat-peringkat yang akan dilalui adalah seperti berikut :-

### **1.7.1. Peringkat Kajian Awalan**

Proses kajian ini bermula dengan penemuan masalah dengan menggunakan teknik kajian penerokaan melalui kombinasi sumber sekunder dan primer yang diperoleh dari kajian lapangan berdasarkan dan pengalaman kerja semasa. Peringkat ini akan menumpukan kepada penentuan isu kajian yang diperolehi daripada

perolehan data sekunder melalui bahan bacaan berkaitan perundangan, kertas kerja seminar , Laporan Rancangan Tempatan dan seterusnya dapat merangka persoalan kajian bagi mencapai matlamat dan objektif kajian .

#### **1.7.2. Peringkat-Kajian Literatur**

Peringkat ini melibatkan rujukan pengkaji kepada bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.Sumber-sember rujukan yang dibuat terdiri daripada penulisan berkenaan Geopark,tesis,keratan akhbar,majalah,artikel di atas talian dan beberapa lagi sumber yang berkaitan dengan kajian ini.

#### **1.7.3. Peringkat Kajian Lapangan**

Seterusnya, pada peringkat kajian lapangan, segala maklumat yang berkaitan dengan kajian akan dikumpul bagi mendapatkan data yang akan digunakan pada peringkat analisa data. Pengumpulan data akan melibatkan proses pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada sesi temubual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kajian ini seperti temubual bersama pegawai di PBT, JMG, PTG PDT SUK dan lain-lain pihak yang berkaitan dengan kajian. Selain itu, tinjauan di kawasan kajian juga akan turut. Data sekunder pula adalah data yang diperolehi daripada laman sesawang, buku-buku ilmiah, kajian-kajian lepas, jurnal penyelidikan terdahulu, laporan tahunan, majalah dan keratan akhbar. Ia akan digunakan dalam untuk membuat analisa bagi menyokong hasil kajian yang diperolehi.

#### **1.7.4. Peringkat Analisis Kajian**


Peringkat analisis data ini merupakan peringkat kajian yang paling banyak diberi fokus. Kesemua data primer dan sekunder yang diperolehi pada peringkat

sebelumnya dianalisa, disemak dan disahkan supaya menjadi satu bentuk data yang tepat dan akan digunakan sebagai hasil kepada kajian yang telah dilakukan.

### **1.7.5. Peringkat Penemuan Kajian**

Peringkat penemuan kajian merupakan peringkat terakhir dalam kajian ini di mana hasil keputusan daripada peringkat analisa data akan dikumpul, dibincangkan dan dirumuskan bagi menentukan sama ada matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal kajian telah tercapai atau sebaliknya. Pada peringkat ini juga pandangan dan cadangan penambahbaikan akan turut dibincangkan bagi membolehkan kajian lanjutan diadakan pada masa akan datang. Hasil kajian yang diperolehi berserta cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan dapat digunakan dan dijadikan panduan oleh agensi yang berkaitan bagi menambahbaik pengurusan Geopark atau mewujudkan Geopark-Geopark lain di negara ini.

## Peringkat Kajian Awalan



**Rajah 1.4 : Carta Alir metodologi kajian**

### **1.8. Susunatur Bab**

Bab satu merupakan bab pengenalan yang menerangkan tentang isu dan masalah, persoalan kajian, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan hasil kajian dan pendekatan yang digunakan dalam kajian. Apabila kesemua perkara ini dirangka ianya dapat membantu memandu pengkaji dalam menjalankan kajian dengan lebih teratur dan komprehensif.

Bab dua iaitu Kajian Literatur lebih kepada kajian teoritikal dan literatur. Bab ini akan menerangkan takrifan berkaitan pemahaman sebenar maksud Geopark, komponen Geopark, konsep pembangunan Geopark dan struktur pentadbiran Geopark. Selain itu, struktur pengurusan dan pentadbiran geopark akan dikaji untuk melihat sejauhmana pengurusan sesebuah Geopark semasa selaras dengan kriteria pembangunan seperti yang digariskan oleh UNESCO. Perbandingan dengan negara luar yang telah menujuhkan struktur pentadbiran akan dijelaskan di dalam bab ini.

Bab tiga menjelaskan tentang latar belakang kawasan kajian yang akan ditumpukan kepada Daerah Kinta sahaja. Dalam bab ini juga akan memperincikan latarbelakang Pihak Berkuasa Tempatan dan Geotapak yang ditadbir dalam oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bab ini juga akan memperincikan pembangunan berasaskan Geologi dan Geopelancongan yang berkembang secara tak langsung di Lembah Kinta. Beberapa senario semasa juga akan diperincikan di kawasan Geopark Lembah Kinta bagi melihat keperluan pentadbiran yang mampan di sesebuah Geopark.

Bab empat akan menyentuh kepada pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi dari temuduga. Responden utama adalah terdiri dari Jabatan Teknikal selaku agensi pelaksana seperti JMG, PTG, PDT, PBT dan juga JPBD dan UPEN. Setiap data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah penilaian secara

perbandingan bagi menentukan kriteria utama berdasarkan maklum balas responden selepas ditemuduga.

Bab lima akan membincangkan penemuan dan cadangan kajian khususnya berkenaan keperluan struktur pentadbiran yang sistematik bagi pengurusan Geopark Lembah Kinta. Kajian lanjutan berserta cadangan untuk mengatasi permasalahan yang berlaku di dalam kajian ini juga akan dinyatakan.

## **RUJUKAN**

Ibrahim Komoo, (2010) *Geopark sebagai peraga pembangunan lestari wilayah.* AKADEMIKA, 80. pp. 9-18. ISSN 0126-5008.

Halimaton Saadiah Hashim, and Sarah Aziz Abdul, and Rahimah Abdul Aziz., and Ghani Aziz, and Chan, Kim Ling@Geraldine (2010) *Governans untuk Geopark.Langkawi Geopark sebagai Acuan.*AKADEMIKA, 80. pp. 39-54. ISSN 0126-5008.

Ibrahim Komoo, and Mazlin Mokhtar, and Sarah Aziz, (2010) *Pengenalan: Geopark dan Pembangunan Lestari Wikayah.*AKADEMIKA, 80. pp. 3-7. ISSN 0126-5008

Chan, Kim Ling@Geraldine and Sarah Aziz, and Halimaton Saadiah Hashim, and Rahimah Abdul Aziz., (2010) *Sistem jaringan governans untuk Langkawi Geopark: pengisahan konseptual.* AKADEMIKA, 80. pp. 69-84.

Thomas Jones PhD (2012), AssistantProfessor, Meiji University. “*Local Japan: Case Studies in Place Promotion Sustainable Tourism Brands in Hokkaido: Toya Usu Geopark*”.Japan Local Government Centre.

Aikoh, T. and Tomidokoro, Y. (2011) “*Relationship Between the National Park Plan and the National Forest Plan in Shikotsu Toya National Park* ”, Journal of the Japanese Institute of Landscape Architecture, 73: 505-508.

Shoji, Y. Yamaki, K., Mitani, Y., Tsuge, T., and K. Kuriyama (2008), “*Understanding a Site Choice Behavior for National Parks in Hokkaido,*

*Japan: A Choice experiment Approach”, Journal of the Japanese Institute of Landscape Architecture 71: 635 -638.*

Tanabe, T. (2010) “ *Visitor Centers, Toya Caldera and Usu Volcano Geopark*”, International Symposium: Mount Fuji as a nature park (Yamanashi Institute of Environmental Sciences). January 22nd 2010.

Young Ng. Dr (2015) “*Sustainable tourism in geoparks: challenges and practices*” REGIONAL WORKSHOP ON SUSTAINABLE GEOPARK MANAGEMENT 2015“Effective Management For Better Geopark Future”7– 11 March 2015, Langkawi Global Geopark, Langkawi Island, Malaysia

Majlis Bandaraya Ipoh 2015.Rancangan Tempatan Daerah Kinta 2020

Majlis Daerah Kampar Deraf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030

Majlis Daerah Batu Gajah.Racangan Tempatan Daerah Batu Gajah 2025

Laporan Penilaian Awal Geopark Lembah Kinta sebagai produk Pelancongan. Vol 1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. 2013

Laporan Penilaian Awal Geopark Lembah Kinta sebagai produk Pelancongan.Vol 2. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. 2013.

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)

Perlembagaan Persekutuan

GeoparkManagement.www.englishriviergeopark.org.uk/section\_main.cfm?section=

Geopark Lembah Kinta Produk Pelancongan Baru di Perak (2016 June 17) Retrieved from .peraktoday.com.my/2014/11/geopark-lembah-kinta-produk-pelancongan-baru-di-perak.

Profil-LangkawiGeopark (2016 June 18) Retrieved from <https://www.langkawigeopark.com.my/features-2/profil>

TadbirUrus.LangkawiGeopark (2016 June 18) Retrieved From <https://www.langkawigeopark.com.my/governant>

GeoparkManagement.(2016 June 18) Retrieved from <http://www.geoparquevilluercas.es/thegeopark-/geoparkmanagement/?lang=en>